

Penyampai : DATO SERI DR. SITI HASMAH BT HJ MOHD ALI  
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN BUNGKUSAN HARI RAYA KEPADA PASUKAN  
KESELAMATAN NEGARA  
Lokasi : SERI PERDANA, PUTRAJAYA  
Tarikh : 09-11-2002

Syukur Alhamdulillah, dengan hidayah dan rahmat dari Allah S.W.T., dapat kita berkumpul sekali lagi di Seri Perdana pada tahun ini untuk mengenangkan jasa- jasa dan khidmat cemerlang Pasukan Keselamatan Negara pada bulan yang mulia ini. Sudah hampir 25 tahun BAKTI mengadakan acara ini, sedikit demi sedikit, pada tahun- tahun awal dan, dengan kurniaan rezeki yang murah ketika ini dapat BAKTI, bersama-sama dengan rakyat seluruh Negara, menyumbang bungkusan Hari Raya bagi Pasukan Keselamatan kita sekali lagi.

2. Saya, bagi pihak BAKTI, mengalu-alukan kesudian Ketua kedua-dua Pasukan Keselamatan Negara, iaitu Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Polis Negara hadir bersama-sama menerima sumbangan ikhlas BAKTI ini dan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada mereka yang hadir bersama dengan isteri masing-masing dan Pegawai- pegawai Kanan mereka.

3. Sudah menjadi rancangan tahunan bagi BAKTI menyahut seruan pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Di Raja Malaysia (PDRM) untuk menyumbang bungkusan Hari Raya yang tentu sekali dapat menceriakan Anggota Pasukan Keselamatan terutama mereka yang terpaksa bertugas pada Hari Lebaran. Rakyat Malaysia mengenang budi dan jasa mereka sepanjang tahun tetapi pada musim perayaanlah, perasaan ini lebih ketara.

Menyumbang juadah atau barangan keperluan adalah suatu amal kebiasaan kepada sesiapa jua tetapi menyumbang kepada Pasukan Keselamatan membawa erti yang lebih mendalam lagi, khususnya, pada hari-hari perayaan.

4. Sumbangan ikhlas ini adalah atas kesedaran bahawa, ketika kita menyambut Hari Raya bersama keluarga dan sanak-saudara, anggota Pasukan berjauhan entah ke mana, di tempat-tempat, kawasan-kawasan yang mungkin tidak menentu keselamatan mereka dan keselesaan mereka. Mengenangkan inilah, BAKTI, bersama-sama rakyat yang pandai mengenang budi dan jasa Pasukan Keselamatan, menghulurkan hadiah bungkusan dengan rendah hati, tanpa mengharapkan balasan melainkan doa kepada Allah S.W.T.

semoga mereka semua bertugas dengan selamat, sihat dan terpelihara daripada bahaya, Insya Allah.

5. Pada tahun ini, BAKTI menyediakan sejumlah hampir 20,000 bungkusan makanan, yang mudah digunakan oleh anggota pasukan di mana-mana jua, seperti tahun-tahun lalu. Kumpulan-kumpulan NGO dan swasta menyumbang pelbagai barangan dan makanan tetapi, BAKTI tetap dengan nasi himpit, kuah satay, serunding daging dan rendangnya. Kami berharap Anggota Pasukan dapat menikmati dan menerima makanan ini dengan selamat dan dalam keadaan yang baik.

6. BAKTI yakin bahawa bungkusan ini akan sampai kepada sasaran kami di mana jua mereka berada dan BAKTI mengucapkan berbanyak terima kasih kepada ATM dan PDRM yang menguruskannya.

7. Keadaan dalam dunia sekarang telah berubah kepada keadaan yang penuh dengan cabaran, yang tidak membantu membina dunia kepada keamanan, keselamatan dan perpaduan. Kita lihat jelas sekali bagaimana negara yang menganggap diri mereka besar dan kuat boleh mencabar dan mengancam negara-negara yang kecil. Ada pula yang suka mempermain-mainkan hal-hal yang serius sehingga berlanjutan tahun belum lagi selesai permasalahannya. Berbagai-bagai peristiwa buruk di sana sini ekoran tragedi September 11 dan Bali, mencetuskan perasaan sangsi dan tiada kepercayaan lagi bahawa dunia ini selamat seperti dahulu.

8. Di dalam negara sendiri, jenayah rompak, jenayah atas kanak-kanak kecil, pembunuhan yang sia-sia membuatkan kita rakyat negara lebih lagi bergantung kepada Pasukan Keselamatan kita.

9. Syukur Alhumdullilah, negara mempunyai ATM dan PDRM yang cekap dan efisien, menjalankan tugas dan khidmat mereka secara profesional. Syabas dan tahniah! Kerana merekalah, negara kita didapati sentiasa dalam keadaan aman damai dan kedaulatan Negara sentiasa dapat dipertahankan. Mengenangkan inilah, BAKTI mengadakan Hari Penyampaian Bungkus Hari Raya pada hari ini untuk menyampaikan penghargaan yang tinggi dan ucapan terima kasih kepada mereka yang rela bertugas demi untuk menjaga keselamatan negara.

10. Semoga Allah S.W.T. memberi perlindunganNYA kepada semua Anggota ATM dan PDRM dari semua lapisan, khasnya kepada mereka yang berjauhan daripada keluarga pada Hari Raya ini.

11. Saya ucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Polis Negara sekali lagi dan saya sudahi dengan Selamat Puasa dalam bulan Ramadhan ini hingga sempurna menyambut Hari Raya Idil Fitri , Insya Allah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.